

Headline	Harga kayu sebagai sumber tenaga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	1101 cm ²
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 21,761
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,282



Hargai kayu sebagai sumber tenaga

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



MEMELIHARA alam sekitar bukan sekadar tanggungjawab pihak berwajib sahaja sebaliknya masyarakat juga mampu melakukannya dalam ruang lingkup persekitaran. Masyarakat hari ini perlu sama-sama berfikir bagaimana membantu mengurangkan penanaman pokok, daripada membeli, sewa buku daripada perpustakaan, kitar semula kertas yang digunakan dan yang paling penting, didik anak-anak anda untuk melakukan perkara yang sama.

Hutan yang sihat serta alam sekitar yang bersih akan meningkatkan tenaga, serta memberi semangat dan ketenangan jiwa. Program menyayangi hutan telah diadakan sejak sekian lama. Setiap negara yang menganjurkan apa yang dipanggil sebagai Hari Hutan Sedunia (IDF) dengan pengisian aktiviti penghijauan semula hutan, seperti kempen penanaman pokok pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sambutan IDF 2017 peringkat antarabangsa anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah memilih tema *Hutan dan Tenaga*. Ini kerana kayu adalah sumber tenaga boleh diperbaharui yang paling utama.



KANAK-KANAK wajar dididik untuk menghargai alam sekitar dengan pendedahan awal aktiviti penanaman pokok.

Kayu juga menyumbang kira-kira 45 peratus bekalan tenaga pada peringkat global (27 peratus daripada jumlah bekalan tenaga utama di Afrika, 13 peratus di Amerika Latin dan Caribbean dan lima peratus di Asia dan Oceania). Oleh itu, tema IDF 2017 menekankan kepentingan tenaga ini dalam memperbaiki kehidupan rakyat, menjana pembangunan lestari dan mengurangkan kesan perubahan iklim.

Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** berkata, pada tahun ini, FRIM mengambil pendekatan yang berbeza



ABD LATIF MOHMOD

dengan mentafsir konsep *Hutan dan Tenaga* sebagai tenaga dalam setiap insan yang menunjukkan rasa cinta, sama ada terhadap alam sekitar, keluarga serta juga FRIM.

"Tenaga ini boleh diinterpretasikan sebagai *Life Force* atau *Qi*, iaitu konsep kuasa kehidupan yang penting dalam perubatan dan penyembuhan, menurut kebanyakan budaya lama dunia," katanya pada majlis perasmian IDF 2017 di Kepong baru-baru ini.

FRIM kata beliau, mengambil pendekatan berbeza dengan memilih *Semarakkan dengan Cinta* sebagai tema dengan

mendefinisikan tenaga bukan sebagai bahan api tetapi tenaga dalam setiap insan yang menzahirkan rasa cinta.

Tema tersebut juga mencerminkan kepentingan tenaga yang dirasai ketika berada di dalam hutan dan dikelilingi pokok-pokok sebagai 'kuasa kehidupan' seperti mana yang sering diperkata oleh kebanyakan budaya lama dunia.

Kata beliau lagi, tujuan sambutan IDF 2017 Peringkat FRIM adalah untuk menggalakan penanaman pokok bagi penyembuhan, memperingati peristiwa penting, bagi penghijauan dan 'penyejukan bumi, menyediakan makanan untuk hidupan liar, serta sebagai perbuatan yang mulia atau luhah rasa sayang.

Sambutan ini juga memberi peluang kepada sesi keluarga untuk berkumpul dan bersama-sama menikmati keindahan alam semula jadi.

Selain itu, ia membolehkan masyarakat setempat melibatkan diri dalam usaha penjagaan FRIM sebagai yang sudah menerima pengiktirafan sebagai Warisan Semula Jadi, Warisan Kebangsaan dan sedang berusaha mendapatkan status Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Sempena sambutan tersebut, FRIM mengadakan aktiviti menanam pokok kenangan (*commemorative tree planting*)

untuk penyertaan umum.

FRIM juga melaksanakan aktiviti seperti *Love My Accessory* iaitu pertandingan untuk kanak-kanak mengubah bunga, daun, ranting dan rumput bagi menghasilkan aksesori fesyen dan *Love My Trees*

Untuk tujuan itu, sebanyak 50 anak pokok spesies merawan kanching (Hopea subulata) disediakan bagi aktiviti penanaman pokok kenangan (*commemorative tree planting*) yang akan ditanam di satu kawasan dalam kampus FRIM dikenali sebagai Field 10 dan Field 11.

Program tersebut membolehkan peserta berkongsi pengalaman serta peristiwa penting untuk diabadikan menerusi penanaman pokok.

Aktiviti pengenalan pokok bagi meningkatkan kesedaran serta kemahiran peserta dalam pengesanan pokok-pokok Dipterokarpa yang merupakan komponen utama hutan hujan tropika dan *Love My Photos* iaitu pameran gambar penyertaan Pertandingan Fotografi FRIM 2016.

Antara program yang dianjurkan sempena sambutan kali ini adalah Pertandingan Fotografi 2016 yang bertemakan *FRIM: Tapak Warisan Dunia* bagi kategori dewasa dan pelajar sekolah.

PEMENANG FOTOGRAFI FRIM 2016

KATEGORI TERBUKA

1. FONG KAM YEE (RM2,500 + sijil)
2. LIN JOE YIN (RM1,500 + sijil)

3. MOHD HANAFI AB LATIF (RM1,000 + sijil)

KATEGORI PELAJAR

1. AIN QHALYSHA ABDUL HAFZ (RM2,000 + sijil)

2. MUHAMMAD NAZREEN AMANI MOHD NAZRI (RM1,500 + sijil)

3. LIN HUI WEN (RM1,000 + sijil)

SETIAP kategori juga menawarkan hadiah sugu hati iaitu tiga hadiah bernilai RM500 (Terbuka) dan 10 hadiah bernilai RM300 (Pelajar)



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Program Menanam Pokok Kenangan sempena IDF 2017 peringkat FRIM di Kepong baru-baru ini.



DR. ABD. LATIF MOHMOD (berdiri, lima dari kanan) bergambar bersama pemenang Pertandingan Fotografi 2016 yang bertemakan *FRIM: Tapak Warisan Dunia* bagi kategori dewasa dan pelajar sekolah sempena sambutan IDF 2017 di Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini.